



**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

**MINISTRY OF TOURISM, ARTS AND CULTURE**

Aras 1, 4-5, 10-15, 17 & 18

No 2, Menara 1, Jalan P5/6

Presint 5

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62200 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000

Faks : 03 8891 7100

Portal Rasmi : [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my)

No. Rujukan : MOTAC.600-4/1/47 JLD 47 (30)

Tarikh : 30 Jun 2025

**Kepada**

**Semua Pemegang Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan  
Perniagaan Agensi Pengembaraan (TOBTAB)**

YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN MENGENAI SYARAT TAMBAHAN PERMOHONAN LESEN  
PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN  
AGENSI PENGEMBARAAN (TOBTAB)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa berkuatkuasa 1 Julai 2025, Pesuruhjaya Pelancongan telah bersetuju untuk menambah syarat dalam permohonan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan (TOBTAB) seperti berikut:

**“Syarikat TOBTAB berlesen dikehendaki memfailkan laporan kemalangan kepada MOTAC dengan menggunakan borang seperti di LAMPIRAN D dalam tempoh masa 24 jam dari mula kejadian berlaku. Pelanggaran keperluan syarat ini boleh menyebabkan lesen TOBTAB dibatalkan tanpa sebarang notis.”**

3. Berdasarkan Subperaturan 6(1)(n), Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) (Pindaan) 2024 [P.U.(A) 333/1992], pemegang lesen wajib mematuhi sebarang syarat tambahan yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya dari semasa ke semasa.

4. Sehubungan itu, sekiranya berlaku kemalangan semua pemegang lesen adalah diwajibkan untuk menyediakan laporan kemalangan dalam tempoh 24 jam. Untuk rujukan pihak YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, bersama-sama ini disertakan format laporan kemalangan seperti di Lampiran D.

**PEMAKLUMAN MENGENAI SYARAT TAMBAHAN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN  
PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN (TOBTAB)**

---

5. Semua pemilik lesen adalah dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi Akta 482, peraturan, garis panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan MOTAC bagi memastikan kelangsungan operasi.

6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan terima kasih.  
Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"MALAYSIA MADANI"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD. KHAIRUL EZAM BIN MOHD RASALI)**

Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

s.k.

YBhg. Dato' Pesuruhjaya Pelancongan  
YBr. TKSU (PL)  
SUSK YBM  
SUSK YBTM  
Semua Pengarah Pejabat MOTAC Negeri

**LAPORAN KEMALANGAN JALAN RAYA MELIBATKAN BAS PERSIARAN  
OLEH PEMEGANG LESEN TOBTAB**

---

(Hendaklah dihantar dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan berlaku.)

Ruj. Kami :  
Tarikh :

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)  
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan  
Aras 1, No. 2, Menara 1  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 PUTRAJAYA**

E-mel : [asp@motac.gov.my](mailto:asp@motac.gov.my) / [unitasp@motac.gov.my](mailto:unitasp@motac.gov.my) / [tobtab@motac.gov.my](mailto:tobtab@motac.gov.my)

No. Tel. : 03-8891 7583 / 03 8891 7211

**Maklumat Kes**

|     |                                                                                            |   |  |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------|---|--|
| 1.  | <b>Nama syarikat<br/>TOBTAB</b>                                                            | : |  |
| 2.  | <b>No. lesen &amp; tarikh<br/>tamat lesen TOBTAB</b>                                       | : |  |
| 3.  | <b>No. pendaftaran<br/>syarikat</b>                                                        | : |  |
| 4.  | <b>No. telefon bimbit</b>                                                                  | : |  |
| 5.  | <b>Tarikh &amp; masa<br/>kejadian</b>                                                      | : |  |
| 6.  | <b>Tempat kejadian</b>                                                                     | : |  |
| 7.  | <b>Jenis kenderaan<br/>terlibat</b>                                                        | : |  |
| 8.  | <b>Nombor pendaftaran<br/>kenderaan</b>                                                    | : |  |
| 9.  | <b>Tarikh tamat lesen<br/>kenderaan</b>                                                    | : |  |
| 10. | <b>Nama pemandu, no.<br/>kad pengenalan, no.<br/>lesen memandu, no.<br/>telefon bimbit</b> | : |  |

**LAPORAN KEMALANGAN JALAN RAYA MELIBATKAN BAS PERSIARAN  
OLEH PEMEGANG LESEN TOBTAB**

|     |                                                                                          |   |                  |               |                  |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------|---|------------------|---------------|------------------|
| 11. | <b>Nama pemandu pelancong (TG), no. lesen &amp; no. telefon bimbit</b>                   | : |                  |               |                  |
| 12. | <b>Surat kelulusan pengecualian pemandu pelancong (TG)</b>                               | : | Ada / Tiada      |               |                  |
| 13. | <b>Tujuan perjalanan</b>                                                                 | : |                  |               |                  |
| 14. | <b>Tarikh &amp; laluan perjalanan</b>                                                    | : |                  |               |                  |
| 15. | <b>Maklumat Penumpang</b>                                                                | : | <b>Penumpang</b> | <b>Lelaki</b> | <b>Perempuan</b> |
|     |                                                                                          |   | Kanak-Kanak      |               |                  |
|     |                                                                                          |   | Dewasa           |               |                  |
|     |                                                                                          |   | Jumlah           |               |                  |
| 16. | <b>Ringkasan kejadian</b><br>(sila lampirkan salinan laporan polis dan gambar berkaitan) | : |                  |               |                  |

**LAMPIRAN D**

**LAPORAN KEMALANGAN JALAN RAYA MELIBATKAN BAS PERSIARAN  
OLEH PEMEGANG LESEN TOBTAB**

---

|       |                                                                                                          |   |  |
|-------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|--|
| 17.   | <b>Butir kerosakan harta benda</b>                                                                       |   |  |
| (i)   | <b>Infrastruktur</b><br>(contoh: jalan raya, penghadang jalan, lampu jalan, papan tanda, dan sebagainya) | : |  |
| (ii)  | <b>Maklumat kenderaan syarikat</b>                                                                       | : |  |
| (iii) | <b>Maklumat kenderaan pihak ketiga</b>                                                                   | : |  |
| (iv)  | <b>Pencemaran alam sekitar</b><br>(contoh: tumpahan minyak, kebocoran gas, kebakaran, dan sebagainya)    | : |  |
| (v)   | <b>Kerosakan-kerosakan lain</b>                                                                          | : |  |

Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah tepat dan benar. Saya juga memahami bahawa saya boleh dikenakan tindakan tegas oleh pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) sekiranya didapati bahawa maklumat yang dikemukakan, sama ada sebahagian atau keseluruhan, adalah palsu, tidak benar, atau mengelirukan. Saya akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kes ini sehingga tamat penyiasatan oleh pihak MOTAC.

Tandatangan pengurus syarikat :

Nama pengurus syarikat :

Tarikh :

Cop syarikat :